



UKK/600-01/05 (46)

SIARAN MEDIA

PROGRAM YOUNG ART ENTREPRENEURS (YAE!) – "TURNING INSPIRATION INTO REALITY"

26 OKTOBER 2023 – Balai Seni Negara hari ini merasmikan YAE! Showcase "Turning Inspiration Into Reality" di GMBB Mall. Perasmian disempurnakan oleh YBrS. Encik Irwan Junaidy, Ahli Lembaga, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN). Turut hadir YBrS. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara dan YBrS. Puan Lim Ying Hui, Pengurus Besar GMBB Mall.

YAE! bermatlamat untuk mengubah wawasan graduan seni ke dalam realiti usahawan serta melahirkan penggiat seni kreatif muda yang berdaya saing di arena seni visual tempatan. Program inovatif ini memberi peluang kepada penggiat seni muda untuk mengasah bakat kreatif mereka dan merangkul keusahawanan dalam dunia seni visual.

Program inkubator selama empat bulan di Art Depot, Balai Seni Negara ini menjanjikan pengalaman dan pengetahuan baharu. Setiap peserta tidak hanya berkongsi pandangan mereka melalui bengkel seni sendiri, malah berpeluang menyertai pasaran seni di seluruh Malaysia. Mereka mendapat panduan daripada pakar industri dan bantuan-bantuan yang relevan. Pada akhir program, peserta akan menyerahkan 'Pelan Perniagaan' mereka dan menyusun pameran akhir untuk memasarkan hasil seni mereka.

Pameran akhir oleh kumpulan ke-8 YAE! terdiri daripada 22 peserta dengan latar belakang pendidikan yang berbeza berlangsung bermula 19 Oktober 2023 hingga 5 November 2023 di GMBB Mall. Balai Seni Negara mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak GMBB Mall atas penajaan lokasi pameran dan

perasmian. Ia sekaligus dapat memberi dimensi baharu kepada pengalaman peserta dalam menjalankan perniagaan seni di premis kreatif seperti GMBB.

Penganjuran program ini dilihat mampu memperkasa ekonomi negara melalui penjualan produk dan hasil seni oleh para penggiat seni muda. Selain itu, Balai Seni Negara turut menyasarkan untuk mengurangkan kadar pengangguran golongan muda dengan mewujudkan peluang pekerjaan baharu selari dengan hasrat kerajaan melalui Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN 2021).

Orang ramai dijemput hadir untuk melawat YAE! Showcase “Turning Inspiration Into Reality” di GMBB Mall hingga 5 November 2023. Maklumat lanjut layari laman sesawang www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my

Wan Nor Hidayah Wan Idris

T: +60 17 987 3303

E: hidayah@artgallery.gov.my